

15. Kebimbangan saya adalah berdasarkan fakta bahawa Malaysia tidak mempunyai jaminan makanan kerana kita lebih bergantung kepada pengimportan makanan dan bukannya menghasilkan kita sendiri.
16. Saya percaya bahawa negara kita sedang menghadapi krisis makanan. Jaminan makanan hanya wujud apabila semua orang, pada setiap masa, mempunyai akses fizikal dan ekonomi untuk makanan yang mencukupi, selamat dan berkhasiat demi memenuhi keperluan diet mereka dan pilihan makanan untuk kehidupan yang sihat. Tanpa jaminan makanan dan dengan pergantungan kepada negara-negara asing, saya sesungguhnya percaya bahawa rakyat Malaysia akan menderita daripada pembayaran harga yang terlalu tinggi untuk makanan, atau tidak mempunyai makanan yang mencukupi untuk menampung rakyat kita.
17. Atas alasan ini, saya percaya bahawa kerajaan dan pihak berkuasa negeri perlu melindungi mereka yang terlibat dalam industri pertanian dan penternakan serta perlu sebanyak mungkin menggalakkan, membantu dan memajukan industry ini. Jika tidak, ahli-ahli industri ini akan terus menyusut.
18. Petani-petani ini bukan sahaja memerlukan bantuan kewangan untuk membeli peralatan dan barang-barang lain untuk aktiviti

pertanian mereka, tetapi juga memerlukan akses kepada kawasan tanah yang besar untuk menjalankan aktiviti pertanian.

19. Dalam usaha untuk meringankan kesukaran para petani untuk mendapatkan akses kepada kawasan tanah yang mencukupi, pada atau sekitar Februari 2015, saya telah mengemukakan satu Rang Undang-undang Ahli Parlimen Persendirian dalam Parlimen untuk mencadangkan Kanun Tanah Negara dipinda dengan memasukkan seksyen baru 241(B) yang akan memberi perlindungan kepada para petani yang mengerjakan tanah yang tidak dipindah-milik dan tidak digunakan. Seksyen baru ini dimodelkan daripada 214(A) yang menetapkan prosedur-prosedur untuk melindungi pekerja-pekerja ladang sekiranya tanah mereka dijual dan dibahagikan. Rang Undang-undang Ahli Parlimen Persendirian tersebut walaubagaimanapun ditolak oleh Speaker Dewan.

Kini dikemukakan dan ditunjukkan kepada saya adalah sesalinan benar **Rang Undang-undang Ahli Parlimen Persendirian yang dicadangkan untuk meminda Kanun Tanah Negara bertarikh 17.4.2015** yang ditandakan sebagai Eksibit "**MJD-1**".

20. Berhubung dengan isu keselamatan makanan, saya mendapatkan penjelasan dari Menteri yang bertanggungjawab di Parlimen. Fakta menyatakan bahawa pengimportan makanan kita telah meningkat daripada RM 27.92 billion to RM 30.19 billion dalam tahun 2010. Saya sesungguhnya percaya bahawa dalam tahun-

tahun yang akan datang, pergantungan makanan terhadap negara-negara lain akan terus berkembang.

Kini dikemukakan dan ditunjukkan kepada saya adalah sesalinan benar **jawapan bertulis kepada soalan yang dikemukakan di Dewan Rakyat oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani pada atau sekitar April 2011** yang ditandakan sebagai Eksibit "MJD-2".

21. Pada bulan April 2015, satu jawapan bertulis oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani telah menyenaraikan satu program kerajaan khusus untuk menangani ketidakcukupan makanan negara kita.

Kini dikemukakan dan ditunjukkan kepada saya adalah sesalinan benar **jawapan bertulis kepada soalan yang dikemukakan di Dewan Rakyat oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani bertarikh 9.4.2015** yang ditandakan sebagai Eksibit "MJD-3".

22. Setelah siasatan lanjut, satu laporan yang diterbitkan oleh Unit Penyelidikan Parlimen pada tahun 2015 mendapati bahawa pengimportan makanan kita terus meningkat setiap tahun kerana pertambahan penduduk. Laporan itu juga menyatakan bahawa oleh kerana kenaikan harga makanan dan krisis makanan yang melanda negara ini, sektor pertanian kita menghadapi cabaran yang besar untuk memastikan bekalan makanan yang mencukupi untuk rakyat kita.

Kini dikemukakan dan ditunjukkan kepada saya adalah sesalinan benar **laporan oleh Unit Penyelidikan Parlimen bertarikh 20.5.2015** yang ditandakan sebagai Eksibit "MJD-4".

23. Saya juga telah membaca laporan oleh Gabungan Kiri Malaysia yang diserahkan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Malaysia. Laporan tersebut mendapati bahawa kecukupan bekalan makanan Malaysia adalah pada kadar 70% bagi beras, 70% bagi tanaman sayur-sayuran dan 25% untuk susu dan daging lembu. Hanya 160, 000 hektar tanah sahaja di Malaysia digunakan untuk penghasilan makanan dan kawasan tanah ini adalah semakin mengecil disebabkan oleh penukaran tanah pertanian untuk tujuan pembangunan oleh pihak berkuasa.

Kini dikemukakan dan ditunjukkan kepada saya adalah sesalinan benar **laporan oleh Gabungan Kiri Malaysia yang bertarikh 15.5.2015** yang ditandakan sebagai Eksibit "MJD-5".

24. Berdasarkan data di atas, saya berpendapat bahawa negara ini menghadapi ancaman keselamatan makanan. Adalah menjadi kewajipan saya sebagai Ahli Parlimen bukan sahaja untuk menyerlahkan isu yang penting ini di Parlimen, malah untuk mengingatkan dan menarik perhatian pihak berkuasa kepada mana tindakannya yang akan menjelaskan keselamatan makanan negara kita. Saya sesungguhnya percaya bahawa ini adalah satu pertimbangan yang amat penting sebelum sebarang keputusan dibuat yang akan memberhentikan aktiviti pertanian.

NOTIS BERTARIKH 15.4.2015

25. Pada atau sekitar minggu ketiga bulan April 2015, Pemohon Keenam, Encik Mogan a/l Subramaniam, seorang petani yang menduduki sebahagian daripada Tanah tersebut, memberitahu saya bahawa Pemohon Pertama hingga Kesembilan, yang semuanya menjalankan aktiviti pertanian di atas Tanah tersebut, menerima notis bertarikh 15.4.2015 [Notis] mengarahkan mereka untuk menghapuskan semua produk pertanian dan hasilan dari Tanah tersebut dalam tempoh 14 hari. Sekiranya gagal, Pihak Berkuasa Negeri akan merobohkan, memusnahkan atau membuang barang-barang dan mendakwa mereka di mahkamah [Keputusan].
26. Pada 20.4.2015, saya telah melawati Tanah tersebut untuk melihat kawasan itu dan berjumpa dengan para petani yang terjejas dengan Keputusan tersebut. Pemohon Pertama, Encik Krishnan a/l Letchumanan, menyerahkan saya suatu salinan Notis tersebut.
27. Saya menyedari keseriusan situasi tersebut lalu menjemput mereka ke pejabat saya untuk perbincangan lanjut. Mereka kecewa dan takut akan ancaman ini kepada kehidupan mereka. Saya terkejut apabila mendapati dari Pemohon Pertama hingga Kesembilan bahawa: -